



KOSMA
Aspirasi Kegemilangan

**ATUR CARA
MESYUARAT AGUNG KOSMA KALI KE 33
13 JUN 2015 (SABTU)**



8.00 pagi : Pendaftaran Anggota-Anggota KOSMA di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur

8.30 pagi : Anggota-Anggota KOSMA mengambil tempat di Dewan

Bacaan Doa

Ucapan Pengurus KOSMA
Y.H. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim

Penyampaian Anugerah dan Pampasan

Mesyuarat Agung dimulakan

SENARAI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung	1-2
Kata-kata Aluan Y.A.B. Menteri Besar Pahang	3
Kata-kata Aluan Y.B. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	4
Kata-kata Aluan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia	5
Kata-kata Aluan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang	6
Kata-kata Aluan Pengerusi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	7
Maklumat Penting KOSMA	8
Anggota Lembaga	9
Sorotan Kalendar Sessi 2014/2015	10-14

AGENDA MESYUARAT

1 Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 pada 13 Jun 2015.	15
2 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-32 pada 7 Jun 2014.	16-64
3 Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2014/2015.	65-88
4 Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.	89
5 Menimbang dan Meluluskan Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2015 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2016.	90-109
6 Meluluskan Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.	110-111
7 Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiyai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.	112
8 Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.	113
9 Meluluskan Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.	114
10 Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan.	115
11 Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :	126-127
a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.	
b. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2015 - 2018 (3 tahun).	

NOTIS MESYUARAT AGUNG

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

B8032, Jalan Teluk Sisek Sri Kuantan Square,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Telefon : 09-5177977 / 09-5177980

No. Faks : 09-5137190

Bil (15) dlm SKRT / 072 / 2013 / MAT-33

27 Mei 2015

Kepada :-
Semua Anggota-Anggota
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Yang Dihormati,
YAB/YB/YBhg/YH/Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Puan Sri/Datin Sri/Datin/Tuan/Puan

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 33

Dengan ini dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	13 Jun 2015 (Sabtu)
Masa	:	8.00 pagi
Tempat	:	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut :-
 - 2.1 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam Anggota dan Empat Orang Anggota Lembaga termasuk Penggerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 pada 13 Jun 2015.
 - 2.2 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-32 pada 7 Jun 2014.
 - 2.3 **Menimbang** Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2014/2015.
 - 2.4 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.
 - 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Belanjawan Tahun 2015 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2016.
 - 2.6 **Meluluskan** Elaun-elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saran Kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Bagi Subsidiari Koperasi ini.
 - 2.7 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
 - 2.8 **Menentukan** Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.
 - 2.9 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

- 2.10 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan :
- 2.10.1 Usul Anggota Lembaga
 - 2.10.2 Usul-usul Anggota
- 2.11 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**
- a. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
 - b. **Memilih** Tiga (3) orang Anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2015 – 2018 (3 tahun).
3. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 3 Jun 2015 jam 12.00 tengah hari.**

'MAJU BERSAMA KOPERASI'

Dengan perintah lembaga



AHMAD SHUKRI BIN HAJI JOHARI

Setiausaha
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pahang

NOTA PENTING : -

1. Seperti yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, Anggota - Anggota KOSMA adalah diminta supaya tidak membawa ahli keluarga yang bukan merupakan anggota KOSMA ke dalam Dewan Mesyuarat. Ahli keluarga yang mengiringi Anggota ke Mesyuarat Agung bolehlah menunggu di mana-mana tempat di luar Dewan.
2. Anggota - Anggota KOSMA adalah diingatkan **bahawa penama atau wakil mereka adalah tidak dibenarkan mengambil elaun Mesyuarat atau mengundi.** Justeru itu, Anggota - Anggota adalah dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan masing – masing dan kad keanggotaan KOSMA bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.
3. Kaunter pendaftaran akan dibuka seperti berikut :
 - i. pada hari mesyuarat agung iaitu **13 Jun 2015** mulai dari jam **07.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi** di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Anggota - Anggota adalah diminta hadir dalam tempoh pendaftaran berkenaan untuk melayakkan mereka mengundi. **Kaunter** pendaftaran **lewat** akan dibuka **sehingga jam 12.30 tengah hari** bagi tujuan daftar kehadiran sahaja.

KATA-KATA ALUAN YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syabas diucapkan kepada barisan kepimpinan KOSMA kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-33 pada tahun ini selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993.

Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada KOSMA kerana telah berjaya melaksanakan pembukaan KOSMA Hotel Business yang telah memulakan operasinya pada awal Februari 2015 yang lalu. KOSMA juga telah mempunyai Kompleks Perladangan yang dilengkapi dengan kemudahan seperti auditorium dan ruang pejabat untuk kemudahan kakitangan di Kumpulan Perladangan KOSMA. Malah perniagaan Ar Rahnu KOSMA juga semakin berkembang dan mendapat perhatian oleh pelanggan terutamanya di sekitar Kuantan..

Diharap KOSMA dapat terus mengekalkan prestasi dan pencapaian walaupun dengan keadaan semasa harga sawit yang tidak menentu dan dalam keadaan ekonomi global yang mencabar pada masa kini.

Akhirkata, selamat bermesyuarat dan diharapkan agar Mesyuarat Agung Tahunan kali ini akan dapat menghasilkan keputusan yang memberi manfaat kepada anggota KOSMA keseluruhannya. Insya Allah.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.


DATO' SRI DIRAJA ADNAN BIN YAAKOB,
SDSA., SSAP, DSAP, DGSM

KATA-KATA ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam I Malaysia

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk merakamkan kata-kata aluan sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 Koperasi Serbausaha Makmur Berhad. Tahniah kepada semua Anggota Lembaga, anggota-anggota koperasi dan warga-warga kerja Koperasi Serbausaha Makmur Berhad kerana telah berjaya melaksanakan mesyuarat agung tahunan pada kali ini.

Syabas kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad kerana masih lagi kekal tersenarai dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2014 dan berada pada kedudukan ke-11. Saya berharap agar Koperasi dapat menggandakan usaha bagi memastikan terus tersenarai dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia pada masa akan datang.



Sebagai sebuah koperasi terbaik dalam sektor perladangan di Negeri Pahang, saya berasa bangga kerana koperasi dapat menangani pelbagai tekanan terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Saya mengingatkan kepada semua Anggota Lembaga agar melaksanakan tugas dan amanah yang dipegang dan mengandakan usaha ke arah kejayaan matlamat koperasi bagi memberi lebih banyak faedah, manfaat dan kebijakan kepada anggota koperasi. Kepada semua lapisan anggota, saya menyeru supaya diperkasakan lagi perpaduan sesama anggota dan sentiasa memberi sokongan padu kepada koperasi semoga hasil kejayaan yang diperolehi itu dapat dinikmati bersama.

Saya berdoa ke hadrat Allah SWT semoga apa yang dirancang dan dilaksanakan oleh koperasi akan memperolehi kejayaan dan berharap prestasi koperasi bagi tahun 2015 akan lebih membanggakan. Sekian, terima kasih.

“I Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hasan Malek". It is written in a cursive style with a long horizontal line extending from the end of the signature.

DATO' SRI HASAN BIN MALEK,
SSAP, DSAP, DSNS, DMSM, JP, DSM, KMN, BKC, PMC, AMN, PJK

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam I Malaysia dan Salam Berkoperasi

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-34 dan masih dapat mengekalkan prestasi yang baik selaras seperti mana kehendak Akta Koperasi 1993.

Terima kasih juga diucapkan di atas kesudian KOSMA memberikan kesempatan untuk saya menyampaikan sedikit kata alu-aluan untuk tatapan para perwakilan semua.

Tahun 2014 telah berlalu dan meninggalkan kita dengan pelbagai kejayaan dan cabaran. Jadikanlah cabaran yang lepas sebagai sempadan dan pengajaran bagi menempuh tahun 2015 yang mendatang ini, pastinya cabaran-cabaran ini kelak menjadi landasan untuk kita terus memperkasakan lagi gerakan koperasi negara.

Kejayaan koperasi mengadakan Mesyuarat Agung membuktikan bahawa para perwakilan komited serta bertanggungjawab terhadap tugas semasa koperasi dan prihatin kepada usaha memperkembangkan pembangunan koperasi di masa hadapan.

Kecemerlangan sesebuah koperasi juga amat bergantung kepada sejauh mana komitmen yang diberikan oleh perwakilan koperasi dan seluruh Anggota Lembaga serta pihak pengurusan dalam mentadbir dan menguruskan koperasi.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan sentiasa menyokong usaha murni koperasi dalam membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi anggotanya dan masyarakat setempat dengan menyediakan infrastruktur serta bantuan kewangan mahupun teknikal yang diperlukan mengikut kesesuaian.

Akhir kata, saya mendoakan agar KOSMA akan terus maju dan menempa kejayaan yang lebih besar di masa-masa akan datang. Saya juga berharap agar KOSMA terus menyumbang secara signifikan dalam pembangunan masyarakat serta menjadi ikon dan sumber rujukan kepada koperasi lain yang mempunyai aspirasi serupa.

Selamat Bersidang dan Selamat Maju Jaya.


DATUK LAMIEN BIN SAWIYO

KATA-KATA ALUAN PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dan terima kasih kerana sekali lagi diberi peluang untuk merakamkan sepathah dua kata dalam Buku Laporan Tahunan 2014.

Tahniah juga saya ucapkan kepada koperasi kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 33. Kepada semua anggota saya menyeru agar dapat menggunakan peluang ini untuk menilai segala pencapaian pada tahun lepas dan dapat merancang ke arah pencapaian yang lebih baik lagi pada tahun akan datang.

Saya percaya melalui penglibatan yang aktif anggota-anggota di dalam mesyuarat agung ini, segala perancangan dan perkembangan koperasi akan dapat direncanakan dengan lebih baik selaras dengan perundungan koperasi itu sendiri. Perbincangan dalam semangat berkoperasi dan cadangan yang membina dapat membantu pihak Lembaga Koperasi yang diamanahkan mengurus dan mentadbir koperasi agar dapat berkembang dengan lebih baik, terancang dan tersusun.

Akhir kata, saya mendoakan agar perjalanan dan urusan mesyuarat agung tahunan ini dapat berjalan dengan lancar serta dalam semangat perpaduan yang tinggi. Harapan saya , ingin melihat koperasi terus Berjaya dalam segala bidang yang diceburi tanpa melupakan nilai-nilai berkoperasi itu sendiri.



Selamat bersidang.

MOHAMAD ZAWAWI BIN MAHMUD

SECEBIS RASA PENGERUSI KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. Dengan limpah perkenanNya dapat kita bersama untuk kesekian kalinya di Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 33 KOSMA pada hari ini. Semoga kita terus dipanjangkan usia dalam keadaan sihat walafiat dan dapat bertemu lagi di tahun-tahun akan datang.

Bagi tahun 2014, pendapatan dan keuntungan KOSMA tidak jauh beza berbanding dengan tahun 2013 berasaskan faktor-faktor harga komoditi, pertambahan keluasan kawasan tanam semula, faktor cuaca dan sebagainya. Namun begitu, kadar dividen Unit Ladang dan Modal Syer yang dicadangkan masih lagi tinggi (berdasarkan kelulusan SKM) walaupun tidak seperti beberapa tahun yang lepas.

Berhubung perkembangan KOSMA bagi tahun 2014, Hotel Business KOSMA yang memiliki 60 bilik telah mula beroperasi pada 1 Februari 2015 yang lalu. Kompleks Perladangan baru KOSMA juga telah mula digunakan dan beroperasi sepenuhnya pada 13 Disember 2014 yang lalu. Pelancaran ringkasnya telah diadakan pada 24 Mac 2015 yang lalu yang dihadiri oleh anggota- anggota Lembaga dan kakitangan ladang serta pengurus-pengurus daripada ibu pejabat KOSMA. Cadangan pembangunan rumah- rumah untuk kakitangan ladang yang telah dirancang sebelum ini ditangguhkan buat sementara waktu disebabkan kemerosotan pendapatan dan keadaaan ekonomi semasa yang tidak menentu.

Saya, mewakili anggota- anggota Lembaga, pengurusan dan kakitangan KOSMA merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan dan keyakinan anggota-anggota untuk kami terus merencana dan melaksanakan usaha-usaha pembangunan berterusan KOSMA demi kebaikan semua. Semoga Allah melindungi kita dari sifat-sifat mazmumah dan segala sifat-sifat keji yang lain yang mampu memecah belah dan memporak peronda Koperasi kita ini. Marilah kita bersama-sama bersatu hati, tenaga dan pemikiran bagi memperkasakan KOSMA agar menjadi Koperasi yang hebat dan disegani, bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga daris segi perpaduan dan kesepakatan. Selamat bersidang serta mencapai kesepakatan demi kebaikan kita semua.

Terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Sri Haji Abdul Jabbar Bin Haji Ibrahim".

DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM,
SSAP., SIMP., DSAP., JSM., AMN

MAKLUMAT PENTING KOSMA

ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi

Y.H. Dato' Sri Haji Abdul Jabbar Bin Haji Ibrahim

Timbalan Pengerusi

Y.H. Dato' Haji Zainal Bin Haji Hassan

Setiausaha

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Johari

Bendahari

Y.H Dato' Haji Mokhtar Bin Haji Mat Salleh

Wakil Kerajaan

Y.B Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail

Wakil Kerajaan

Y.H Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Shahbuddin bin Imam Mohamad

Anggota Lembaga

Y.H Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok

Anggota Lembaga

Y.H. Dato' Haji Khadri bin Musa

Anggota Lembaga

Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad

MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

Pengurus Besar

YH Dato' Haji Azlan bin Uzir

Pengurus Kewangan

Encik Shamsul Anuar bin Hussin

Pengurus Pentadbiran

Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali

Setiausaha Eksekutif

Encik Abdul Ghafar bin Hussin

Pengurus Kanan Ladang

Encik Kamarudin Arifin bin Idris

Encik Yusof bin Jaafar

Encik Abdul Razak bin Mohd Yunus

Pengurus Di Ladang

Encik Abd Rashid bin Mat Nor

Encik Shah Amri bin Abdul Aziz

Encik Mohd Razuan bin Mustapa

Kamar

Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi

Encik Zaharim bin Zainuddin

ALAMAT BERDAFTAR

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%)

KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%)

SYARIKAT USAHASAMA MENGURUSKAN KILANG KOSMA

VWujud Wawasan Sdn Bhd (49%)

YAYASAN

Yayasan KOSMA

BANK-BANK

1. CIMB Berhad
2. Bank Muamalat (M) Berhad
3. Malayan Banking Berhad
4. Ar Rajhi Bank Berhad
5. RHB Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. OCBC Al-Amin Bank Berhad

KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia :
Modal Syer – RM1,014,701
(sehingga Disember 2014)
2. Bank Persatuan Malaysia Berhad :
Modal Syer – RM632,678
(sehingga Disember 2014)

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Ketua

Tuan Haji Abdul Karim bin Sadli

Setiausaha

Tuan Haji Mohd Aunullah bin Mohd
Mokhtar

AJK

Tuan Haji Abd Hamid bin Mohamed
Encik Muslim bin Umar
Encik Ahmad Zambri bin Ab Aziz

JURUAUDIT LUAR

Tetuan Norila & Associates
Suite 2.02, No 45/3, 2nd Floor,
Jalan Teluk Sisek, 25000 Kuantan

PEGUAM

Tetuan Zainur Zakaria & Co
Advocates & Solicitors
D-3-10, Plaza Damas
No 60 Jalan Sri Hartamas Satu
50480 Kuala Lumpur

Tetuan Daeng Khatijah & Amran
Peguambela & Peguamcara
A37, 2nd Floor; Wisma KPKP
Jalan Gambut 2, P.O.Box 18
25000 Kuantan, Pahang



ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA



Duduk dari kiri

1. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz
 2. YH Dato' Haji Zainal bin Hassan
 3. YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
 4. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari
 5. YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
- Wakil Kerajaan
 - Timbalan Pengurus
 - Pengurus
 - Setiausaha
 - Wakil Kerajaan

Berdiri dari kiri

1. Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad
 2. YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad
 3. YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh
 4. YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok
 5. YH Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Sulaiman
 6. YH Dato' Haji Khadri bin Musa
- Anggota Lembaga
 - Anggota Lembaga
 - Bendahari
 - Anggota Lembaga
 - Anggota Lembaga
 - Anggota Lembaga

SOROTAN KALENDAR SESSI 2014/2015

MEI 2014

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT YAYASAN KOSMA DAN AR RAHNU KOSMA



7 JUN 2014

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 32 – DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



7 JUN 2014

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 32 – DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN



SOROTAN KALENDAR SESSI 2014/2015

DISEMBER 2014

KEM PEMBINAAN WAJA DIRI KE ARAH KECEMERLANGAN MENARA GADING KOHORT VIII SESSI 2014/2016



DISEMBER 2014

MISI BANTUAN BANJIR 2014



FEBRUARI 2015

MESYUARAT JAWATANKUASA DI LADANG 2014



FEBRUARI 2015

MAJLIS PERASMIAN DAN DOA SELAMAT KOSMA BUSINESS HOTEL



FEBRUARI 2015

LAWATAN OLEH KOPERASI PERMODALAN FELDA



SOROTAN KALENDAR SESSI 2014/2015

FEBRUARI 2015
**LAWATAN OLEH HOTEL
KOPERASI TNB**



MAC 2015
**MAJLIS PENYERAHAN
TOYOTA HILUX**



MAC 2015
MAJLIS TAHLIL DAN DOA SELAMAT KOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA



MAC 2015
MAJLIS MESRA ANGGOTA KOSMA DI RUMAH REHAT BENTONG



SOROTAN KALENDAR SESSI 2014/2015

MAC 2015

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI DEWAN ARENA MARAN



MAC 2015

MAJLIS MESRA DI HOTEL SRI MALAYSIA TEMERLOH



APRIL 2015

MAJLIS MESRA DI HOTEL ANCASA ROYALE PEKAN



SOROTAN KALENDAR SESSI 2014/2015

APRIL 2015

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI HOTEL DARUL MAKMUR, JERANTUT



APRIL 2015

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI MENARA FELDA, KUALA LUMPUR



APRIL 2015

MAJLIS MESRA ANGGOTA DI HOTEL MS GARDEN KUANTAN



AGENDA : 1

KERTAS BIL : KMA.01/2014

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ANGGOTA DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-33 PADA 13 JUN 2015

1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA ke-33 pada 13 Jun 2015.

2.0 MAKLUMAN

Undang-Undang Kecil 32 (1) (1) berbunyi :-

Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk :-

- 3.1 Melantik enam orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 33 dan
- 3.2 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat orang Anggota Lembaga termasuk Penggerusi sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA ke-33.

AGENDA : 2
KERTAS BIL : KMA.02/2014
MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-32
PADA 07 JUN 2014

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-32 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-32 pada 07 Jun 2014 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.

Dato' Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim
Pengerusi

**Dato' Haji Zainal
bin Hassan**
Timbalan Pengerusi

**Ahmad Shukri bin
Haji Johari**
Setiausaha

**Dato' Haji Mokhtar bin
Haji Mat Salleh**
Bendahari

**Dato' Haji Abdullah
bin Majid**
Anggota Jawatankuasa

**Haji As'ari bin
Haji Yaacob**
Anggota Jawatankuasa

Ab Gafa bin Keme
Anggota Jawatankuasa

Haji Idrus bin Mohd Nasir
Anggota Jawatankuasa

**Ng Aik Cheong @
Eng Fek Chiong**
Anggota Jawatankuasa

Kamarulzaman bin Hassan
Anggota Jawatankuasa

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-32

TARIKH : **07 JUN 2014 (SABTU)**

MASA : **09.00 PAGI**

TEMPAT : **DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN**

KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA

Y.H Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim	- Pengurus
Y.H Dato' Haji Zainal bin Haji Hassan	- Timbalan Pengurus
Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Johari	- Setiausaha
Y.H. Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh	- Bendahari
Y.B Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail	- Wakil Kerajaan
Y.H Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz	- Wakil Kerajaan
Y.H Dato' Haji Mohd Suah bin Haji Burok	- Anggota Lembaga
Y.H Tok Muda Dato' Haji Asmad bin Haji Sulaiman	- Anggota Lembaga
YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad	- Anggota Lembaga
Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad	- Anggota Lembaga

A. KEHADIRAN ANGGOTA

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1249 orang (Termasuk Anggota Lembaga) - LAMPIRAN 'A'

B. TURUT HADIR :-

Encik Mohd Nasir bin Mohd Nor	- Ketua Pen. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang
Puan Norila bt Yahya	- Tetuan Norila & Associates Juruaudit Luar KOSMA

C. BACAAN DOA

Doa dibacakan oleh Al Fadil Tuan Dr Haji Sharafuddin Aisa bin Haji Osman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Pahang (No. Anggota:2100)

E. UCAPAN OLEH PENGERUSI KOSMA **YH DATO' SRI HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM – LAMPIRAN 'B'**

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 32

ALUAN PENGERUSI

YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Mesyuarat memberi salam kepada Anggota Lembaga dan semua anggota serta mengisytiharkan Mesyuarat Agung dimulakan. Seterusnya beliau mengumumkan sehingga jam 9.50 pagi, kehadiran anggota yang telah mendaftar berjumlah 1,029 orang dan angka ini mencukupi kuorum. Manakala sehingga pukul 11.00 pagi, kehadiran anggota berjumlah 1212 iaitu jumlah anggota yang layak mengundi.

- i. Beliau memaklumkan bahawa Aturan Mesyuarat Agung Tahunan telah berulangkali diberi penjelasan pada setiap persidangan sebelum ini. Anggota yang gugur keahliannya tidak layak menghadiri Mesyuarat ini berdasarkan UUK 19 – Hilang Kelayakan sebagai anggota :-
 - a. hilang kewarganegaraan ;
 - b. hilang keupayaan dari segi mental ;
 - c. diisyiharkan bankrap ;
 - d. disabitkan atas kesalahan yang boleh daftar ; atau
 - e. dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.
- ii. Selain daripada itu, beliau mengingatkan bahawa seseorang anggota tidak boleh bercakap berulang kali dalam perkara yang sama. Beliau menyatakan bahawa sekiranya ada anggota yang membangkitkan mengenai isu yang sama di setiap perjumpaan anggota di daerah-daerah, pandangannya tidak dapat dipertimbangkan dalam persidangan Mesyuarat Agung pada hari ini. Anggota juga diingatkan perlu menjaga tatatertib, tingkah laku dan budi bahasa mengikut adat dan budaya orang timur.
- iii. Beliau juga memaklumkan elauan kehadiran anggota yang tidak dituntut hari ini akan dimasukkan ke dalam akaun bank anggota tersebut. Bagi anggota yang masih belum memberi nombor akaun bank , boleh menyerahkan nombor akaun tersebut di kaunter khas bagi memudahkan pihak KOSMA membuat bayaran baki dividen dan sebagainya.
- iv. Beliau memaklumkan bahawa seramai 170 orang anggota yang masih belum memberi penama dan perlu melakukannya secepat mungkin bagi mengelakkan sebarang masalah di masa akan datang.

1.0 **MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENGERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAFT MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE – 32 PADA 7 JUN 2014 – KMA 01/2013.**

- 1.1 **YH Dato' Sri Pengerusi** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 01/2013 (Mukasurat 14) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-32 pada 7 Jun 2014 mengikut Undang – undang Kecil 32 (1) (K) yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga berdasarkan UUK 32 (1) (k).
- 1.2 Pencalonan yang telah mendapat sokongan seperti berikut :-
- i. Encik Mustari Anuar bin Samah (Anggota:2409) mencadangkan **YH Dato' Haji Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**.
 - ii. Tuan Haji Abu Bakar @ Ibrahim bin Ahmad (Anggota: 1921) mencadangkan **Tuan Haji As'ari bin Haji Yaacob (Anggota: 0834)**.
 - iii. Tuan Haji Ismail @ Badaruddin bin Abu (Anggota:2749) mencadangkan **Encik Mohd Naser bin Md Ali (Anggota: 2563)**.
 - iv. YH Dato' Haji Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota:1938) mencadangkan **Encik Ab Gafa bin Keme (Anggota:1961)**.
 - v. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota: 2623) mencadangkan **Encik Idrus bin Mohd Nasir (Anggota: 2330)**.
 - vi. Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota:2785) mencadangkan **Tuan Haji Hamzah bin Haji Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)**.
Catatan : Tuan Haji Hamzah bin Haji Teh Mohamed telah menarik diri.
Encik Ravitharan a/l Ratnasingam (Anggota : 1950) mencadangkan **Encik Ng Aik Cheong @ Eng Fek Chiong (Anggota : 0359)**.
 - vii. Encik Abdullah@ Mohd Noor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094) mencadangkan **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**.
- 1.3 Atas cadangan **Encik Ahmad Mustaffa bin Zainal Abidin** pencalonan ditutup.
- 1.4 Keputusan selepas pengundian secara angkat tangan dijalankan adalah seperti berikut :-
- i. **YH Dato' Haji Abdullah bin Majid (Anggota : 2365)**.
 - ii. **Tuan Haji As'ari bin Haji Yaacob (Anggota: 0834)**.
 - iii. **Encik Ab Gafa bin Keme (Anggota :1961)**.
 - iv. **Encik Idrus bin Mohd Nasir (Anggota : 2330)**
 - v. **Encik Ng Aik Cheong @ Eng Fek Chiong (Anggota : 0359)**
 - vi. **Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)**
- 1.5 Mesyuarat Agung pada hari ini juga bersetuju enam (6) orang anggota yang dipilih di atas dan empat (4) orang Anggota Lembaga berjawatan iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dilantik sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke 32.

2.0 MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-31 PADA 15 JUN 2013 – KMA 02/2013

- 2.1 **YH Dato' Sri Pengerusi** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 02/2013 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-31 pada 15 Jun 2013 (Mukasurat 15 - 61).

- 2.2 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota 0186-A)** membangkitkan mengenai beberapa perkara berikut :-
- Memberi teguran tiada banyak kemajuan dari segi penulisan minit mesyuarat.
 - Terdapat fakta yang kurang tepat catatannya.
 - Menyatakan bahawa senarai kehadiran anggota bagi Mesyuarat Agung tahunan tidak perlu dicatatkan nombor kad pengenalan.
- 2.3 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa setiap perkara di dalam perbincangan Mesyuarat Agung tidak semestinya diterima oleh anggota. Terdapat perkara yang merupakan pandangan sahaja serta ada perkara yang perlu dicatatkan dan ada perkara yang tidak perlu.
- 2.4 **Tuan Haji Abdul Karim bin Mat Yassim (Anggota : 2317)** menyentuh mengenai peringatan oleh YH Dato' Sri Pengerusi iaitu perkara yang telah ditimbulkan oleh anggota di dalam Majlis perjumpaan di daerah-daerah tidak boleh dibangkitkan pada hari ini. Beliau menambah sepatutnya anggota boleh menimbulkan perkara tersebut walaupun dinyatakan berulang kali kerana ada perkara yang tidak dikemukakan di setiap daerah semasa perjumpaan. Beliau mohon persidangan pada mesyuarat agung kali ini berjalan dengan agak terbuka sedikit.
- 2.5 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan sekiranya anggota ingin menimbulkan juga perkara tersebut, pada pandangan beliau perjumpaan anggota di setiap daerah tidak perlu diadakan pada masa akan datang.
- 2.6 **Tuan Haji Ismail bin Mehat (Anggota : 2403)** mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 32 pada 7 Jun 2014 ini disahkan dan diterima sebulat suara oleh Mesyuarat Agung pada hari ini.

3.0 MENIMBANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2013 – KMA 03/2013

- 3.1 **Tuan Setiausaha** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil KMA 03/2013 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2013 (muka surat 62-84).
- 3.2 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A) ;**
- Mempersoalkan mengapa Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman tidak dibentangkan secara terperinci serta tidak dinyatakan tindakan yang telah diambil berkaitan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.
 - Merujuk muka surat 82– berdasarkan analisa beliau mengenai penyediaan bajet hasil Ladang KOSMA 6 dan Ladang KOSMA 9 adalah kurang tepat. Anggaran adalah penting kerana ia merupakan target apa yang mahu dicapai. Kalau anggaran tersebut ditambah sebanyak 10 ribu tan, didarab dengan harga masa kini iaitu RM500 setan, perbezaan hasil adalah sebanyak RM5 juta.
 - Berpendapat bahawa kadar perahan minyak sebanyak 19.19% adalah kurang memuaskan. Berdasarkan harga semasa , sekiranya kadar perahan minyak adalah sebanyak 21% KOSMA kehilangan sebanyak RM9 juta hasil pendapatan. Manakala perjanjian yang menyatakan 0.5% diberi kepada Wujud Wawasan Sdn Bhd juga merupakan hasil yang banyak.
 - Memberi pandangan bahawa operasi perladangan KOSMA diterajui oleh Pengurus Besar dan beberapa orang kakitangan perladangan sahaja. Berbanding dengan struktur organisasi

Koperasi Permodalan Felda (KPF) yang terdiri dari jawatan tertinggi CEO, beberapa orang Pengurus Besar dan jawatan-jawatan profesional. Sekiranya kurang logistik maka ia boleh memberi kesan kepada pengurangan hasil dan sebagainya.

3.3 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa perbandingan tidak boleh dibuat antara KPF dan KOSMA kerana KPF memang mempunyai struktur organisasi yang terdiri dari pelbagai jawatan namun ia sudah tentunya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

3.4 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan beberapa perkara perlu diambil perhatian mengenai peratusan kadar perahan minyak iaitu :-

- (i) Faktor yang mempengaruhinya ialah umur pokok dan 30% pokok kelapa sawit di Ladang KOSMA adalah terdiri dari pokok yang berumur 20-30 tahun.
- (ii) Di peringkat sekarang, proses penanaman semula sedang dilaksanakan seluas 700- 800 hektar setiap tahun menyumbang kepada kadar perahan minyak yang sangat rendah. Pada masa ini, lebih dari 25% kelapa sawit juga baru mengeluarkan hasil. Seperti sedia maklum, pokok pada tahun pertama dan kedua adalah dalam lingkungan 40%-60% dan hasilnya adalah 19.8%.
- (iii) Akhir sekali, masalah kualiti di ladang juga merupakan faktor yang mempengaruhi sebagai contoh masalah kekurangan Tenaga Kerja yang merupakan fenomena Nasional memberi kesan besar terhadap perkara ini.

Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan tersebut dan keadaan kualiti yang telah dikawal dengan baik serta penggredian oleh pihak kilang, maka pencapaian 19.19% ini adalah lebih baik berbanding dengan kadar yang sebelumnya. Melalui perjanjian baru yang telah dikuatkuasakan supaya KOSMA mengikut kadar sebenar iaitu tolak 0.5% untuk kos pengurusan. Oleh yang demikian KOSMA mendapat hasil sebenar yang tidak berdasarkan kepada greding.

3.5 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed (Anggota : 0186-A)** menyatakan rasa kagum beliau terhadap penjelasan terperinci oleh YH Dato' Bendahari terhadap perkara yang dibangkitkan. Tapi beliau berharap kadar perahan minyak tersebut mencapai 21% walaupun kadar 19.19% itu adalah pencapaian yang baik berbanding dengan yang terdahulu kerana ia masih boleh ditingkatkan.

3.6 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan lagi bahawa MPOB juga telah melantik seorang pegawai khas di kilang bertujuan untuk mengawasi 'grading system' dan baki buah yang telah dikeluarkan. Malah kilang juga beroperasi dengan penuh efisien dan boleh mencapai kadar OER yang lebih baik.

3.7 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)** ingin menarik perhatian anggota terhadap perkara berikut :

- i. Berkaitan penambahan kakitangan KOSMA, pada pandangan beliau perkara itu tidak boleh dilaksanakan berdasarkan keadaan KOSMA pada masa ini dan berharap struktur kakitangan sedia ada dikekalkan. Cuma kepada kakitangan yang kurang fungsi perlu diberi tugas dan tanggungjawab yang sewajarnya.
- ii. Beliau bertanya adakah kadar 0.5% yang dinyatakan tersebut termasuk kos pemerosesan atau tidak?

3.8 **YH Dato' Bendahari** menyatakan sebagai seorang bekas Pengurus Kanan Ladang, Tuan Haji Jamil bin Ninggal memahami mengenai isu berkenaan, oleh yang demikian struktur yang ada sekarang ini adalah memadai untuk KOSMA menguruskan Ladang dengan baik. Persoalan mengenai kadar

0.5% tersebut, berdasarkan perjanjian yang telah dimeterai, ianya tidak termasuk kos pemerosesan kerana ia merupakan kos yang berasingan. Kadar tersebut juga merupakan caj pengurusan iaitu keuntungan kepada syarikat. KOSMA pula akan mendapat 49% daripada pendapatan itu.

- 3.9 **Encik Shamsudin bin Ahmad (Anggota : 1244)** meluahkan rasa musykil beliau mengenai 'sustainability' kerana ia masih di tahap yang sama walaupun KOSMA telah menjangkau usia 40 tahun. Beliau ingin mendapat maklumat bagaimana KOSMA mahu berkembang bagi menambahkan hasil pendapatan.
- 3.10 **YH Dato' Bendahari** menerangkan bahawa 'sustainability' itu memang sesuatu yang perlu diberi perhatian dan akan diambil tindakan. Sehubungan itu, KOSMA juga sedang berusaha meneroka kawasan dan ladang-ladang baru serta menerima tawaran penjualan ladang oleh banyak pihak. Namun setelah 'feasibility study' atau 'due diligence' dibuat, semua tawaran yang dikemukakan didapati mempunyai banyak masalah.

Tambah beliau lagi, pada masa ini juga KOSMA sedang dalam proses membuat 'due diligence' dan penilaian ke atas sebuah ladang di Gua Musang seluas 4,000 ekar yang berpotensi untuk dibeli jika harganya munasabah. KOSMA sedang menunggu pengesahan daripada Kerajaan Negeri Kelantan serta Jabatan Agama Islam Kelantan (MAIP) berkaitan pemilikan tanah tersebut untuk memastikan perjanjian yang ada masih sah sehingga tarikh matang iaitu 99 tahun.

Disamping itu, melalui Wakil Kerajaan KOSMA telah mendapat kelulusan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Pejabat Daerah dan anah Rompin untuk memajukan Rancangan Tanah Kelompok di Rompin seluas 2500 ekar.

Akhir sekali, berdasarkan aliran wang dalam tempoh 25 tahun, KOSMA boleh mencapai tambahan pendapatan sekurang-kurangnya 2-3 juta setahun dari 1 projek. Kalau projek di Rompin tersebut berjaya, kemungkinan Kerajaan Negeri boleh memberi KOSMA beberapa kawasan lagi.

- 3.11 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal** mencadangkan agar KOSMA lebih menanam anak sawit dari jenis 'tissue culture', kerana 'tissue culture' ini boleh memberikan penghasilan yang tinggi iaitu dengan potensi 40 tan perhektar.
- 3.12 **YH Dato' Sri Pengerusi** menjelaskan bahawa ia merupakan cadangan yang baik dan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga akan datang.
- 3.13 **Encik Ab. Gafa bin Keme (Anggota : 1961)** menyarankan agar ujian dibuat ke atas purata 'oil to bunch' untuk mengetahui peratusan yang lebih daripada OER tersebut. Pada tahun hadapan beliau berharap agar anggota mendapat maklumat berapa potensi 'oil to bunch' ladang KOSMA untuk memastikan bahawa OER yang diperolehi adalah yang terbaik. Berdasarkan pengalaman beliau dalam pengurusan ladang, OER pernah mencapai 24% setiap bulan.
- 3.14 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa bahagian makmal semestinya ada membuat ujian ke atas 'oil to bunch', 'oil per tan' dan FFB yang diproses namun laporan tersebut tidak dikemukakan kepada KOSMA. KOSMA hanya menerima laporan pencapaian kilang sebagai contoh 'oil losses' dalam 'bunch', 'decanter', 'sterilizer' dan semua 'losses' itu adalah berada di tahap bawah garis yang telah dihadkan. Kilang tersebut juga telah menunjukkan rekod yang baik sepanjang operasinya dalam tempoh 3 hingga 4 tahun ini.

- 3.15 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed** berharap agar KOSMA dapat mencapai 21% kadar perahan minyak. Beliau menambah lagi wajarkah sekiranya diadakan 'task force' untuk mengkaji semua data-data termasuk 'oil losses' dan sebagainya?
- 3.16 **Tuan Haji Ismail bin Mehat (Anggota : 2403)** ingin berbalik kepada isu kadar perahan dan dua faktor kadar perahan tidak boleh naik tinggi disebabkan oleh usia pokok tersebut. Beliau juga menekankan agar diambil perhatian supaya kadar perahan mencapai 22%. Sekiranya KOSMA dapat 22%, kemungkinan elauan kehadiran tahun hadapan boleh dibayar sebanyak RM600.
- 3.17 **YH Dato' Sri Pengerusi** memaklumkan bahawa terdapat kenaikan kadar perahan bagi empat (4) bulan pertama pada tahun ini iaitu 20.3%. Tambah beliau lagi, Ladang KOSMA 6 dan 9 ini agak uzur dan dalam proses baikpulih. Walau bagaimanapun terdapat juga Ladang KOSMA yang mencapai kadar perahan yang tinggi.
- 3.18 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed** menambah dalam empat (4) bulan pertama ini adalah tempoh kritis. Kadar perahan minyak boleh dicapai tinggi dalam pertengahan tahun.
- 3.19 Di atas cadangan **Encik Abdullah @ Mohd Noor bin Abd Ghafar (Anggota : 2094)** mesyuarat sebulat suara bersetuju dan menerima Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2013.

4.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN – AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA JIKA ADA TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBESR 2013 – KMA 04/2013

- 4.1 **YH Dato' Bendahari** membentangkan kertas Bil:KMA.04/2013 Menimbang dan Meluluskan:-
i. Akaun – akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (muka surat 1-50)
ii. Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 KOSMA Tourism Sdn Bhd (muka surat 1-19)
- 4.2 Beliau menyatakan bahawa Koperasi bercadang untuk membuat peruntukan seperti berikut :
i. Dividen Modal Syer sebanyak 40%
ii. Dividen Unit Ladang RM4750 seunit
iii. Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota
iv. Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian
v. Kumpulan Wang Tabung Pendidikan
vi. Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota
vii. Kumpulan Wang Penebusan Syer
viii. Honorarium Lembaga
- 4.3 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bayaran dividen modal syer adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Berdasarkan laporan di muka surat 12 – Akaun Pembahagian Keuntungan, untung bersih dicatatkan sebanyak RM35 juta dan baki keuntungan yang belum dibahagikan hanya RM953,678 sahaja. Jika dividen unit ladang ditambah kepada RM5,000 seunit, dari mana untuk memperolehi sumber kewangan tersebut.

- 4.4 Beliau menambah lagi, KOSMA juga tidak mempunyai banyak baki tunai unit ladang, dan nilai baki untuk dibawa ke tahun hadapan hanya tinggal beberapa juta lagi untuk bertahan sebagai 'reserve' dividen sekiranya harga sawit menurun kelak. Sekiranya wajar untuk diberikan dividen lebih, KOSMA akan melaksanakannya tetapi perlu beringat 'waktu hujan, panas-panas juga'. Sebagai contoh Amanah Saham Berhad yang mempunyai 'reserve' boleh membuat bayaran dividen waktu ekonomi menurun. KOSMA juga perlu menambah pendapatan, samada mencebur bidang perniagaan atau sebagainya. Sekiranya anggota-anggota ada sebarang idea, boleh datang ke KOSMA untuk berbincang.
- 4.5 **YBhg Dato' Haji Ayob bin Abdul Ghani (Anggota : 1938)** melahirkan sedikit rasa sedih, sekiranya menjalankan perniagaan tidak menggunakan pinjaman bank, itu bukannya falsafah bermiaga.
- 4.6 **YH Dato' Sri Pengurus** menerangkan bahawa keadaan ini adalah untuk sementara waktu sahaja. Apatah lagi KOSMA banyak mengeluarkan duit kepada anggota-anggotanya seperti duit khairat kematian, bantuan ekonomi, bantuan raya, mangsa banjir dan sebagainya. Tanah ini juga bukan harta KOSMA malah tempoh tanah pajakan berusia 99 tahun hanya tinggal sedikit saja lagi.
- 4.7 **Encik Ab Gafa bin Keme (Anggota : 1961)** merujuk muka surat 45- Nota 37 : Pelbagai perbelanjaan (a) Kumpulan dan membuat perbandingan antara tahun 2012 dan 2013 bagi item berikut :-

Item	2012 (RM)	2013 (RM)
KWSP dan PERKESO	151,976	407,328
Kebajikan Pekerja	50,350	9,500
Insurans bangunan	31,178	19,516
Kursus dan latihan	82,131	18,405

Berdasarkan jadual di atas, perbelanjaan bagi KWSP dan PERKESO meningkat hampir 31%. Dari segi Kebajikan pekerja dan insurans bangunan serta kursus dan latihan, tahun 2013 jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Beliau mohon penjelasan di atas perbezaan tersebut.

- 4.8 **Tuan Haji Hashim bin Awang Sulong (Anggota : 0969)** mempertikaikan cadangan anggota mengenai pinjaman bank. Beliau mengimbau kembali zaman beliau dilantik sebagai Jawatankuasa Perhubungan semasa KOSMA dipimpin oleh Allahyarham YH Datuk Haji Nasir bin Haji Mat Piah. KOSMA berhutang dengan bank sebanyak RM30 juta dengan dividen syer pada masa itu dibayar sebanyak 10% setiap tahun. Kemudian KOSMA terpaksa menjual ladang KOSMA sebanyak 15 ribu ekar dari jumlah ladang seluas 50 ribu ekar. Ini adalah akibat daripada pinjaman bank.

Beliau menegaskan lagi bahawa KOSMA berada pada tahap baik pada masa ini. Semasa beliau bersama dengan YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh, Allahyarham Dato' Haji Haranay bin Md Noor dan YH Dato' Haji Mohd Suah bin Haji burok, mereka berusaha untuk mengambil alih semula ladang ini.

- 4.9 **Tuan Haji Hamzah bin Teh Mohamed** merujuk muka surat 15, beliau mohon penjelasan mengenai kenaikan bagi item berikut :-

Item	2012 (RM)	2013 (RM)
Yuran agen pelawat ladang	1,706,182	2,011,555
Perbelanjaan buruh asing	177,309	627,027

- 4.10 **YH Dato' Bendahari** menjawab persoalan yang ditimbulkan mengenai perkara-perkara berikut:-
- i. Kenaikan bayaran kepada KWSP dan PERKESO disebabkan oleh bayaran bonus dan pertambahan kakitangan.
 - ii. Bagi item Insurans bangunan, KOSMA telah mengurangkan polisi-polisi yang tidak perlu diberi perlindungan dan mengambil polisi yang perlu sahaja.
 - iii. Setiap tahun juga KOSMA menghantar kakitangan yang sesuai dengan kursus yang bersesuaian. Namun bagi tahun 2013, KOSMA tidak melaksanakan kursus berkumpulan kerana perbelanjaannya yang agak besar.
- 4.11 **YBhg Dato' Haji Ayob bin Abdul Ghani** berpendapat sekiranya KOSMA masih mengikuti keadaan zaman dulu maka agak susah untuk berkembang bahkan tanah ladang juga masih tidak bertambah. KOSMA terpaksa menanggung hutang berjuta berjuta disebabkan oleh pentadbiran pada masa lalu. Beliau tidak mahu lagi mempersoalkan perkara ini dan menyatakan bahawa pentadbiran sekarang boleh diterima dan tidak seperti dahulu. Namun adalah kurang tepat untuk menyatakan KOSMA tidak perlu membuat pinjaman bank.
- 4.12 **YH Dato' Sri Pengerusi** menyatakan bahawa itu merupakan pandangan yang baik. Malah KOSMA baru sahaja meluluskan KOSMA Holding Sdn Bhd. Sehubungan itu juga, sehingga kini KOSMA tidak mempunyai sebarang hutang. Berkaitan perniagaan kilang, KOSMA menyumbang modal sebanyak RM735,000 dengan syer 49%. Sehingga kini KOSMA tidak perlu menambah syer tersebut. Untuk makluman, RM735,000 itu setiap RM1 bersamaan RM16.92 sen bagi nilai pasaran terkini. Nilai pasaran unit ladang masa kini sekurang-kurangnya RM20 ribu seunit. Seperti yang dimaklumkan oleh YH Dato' Bendahari, Jawatankuasa Pengembangan, Pelaburan dan Aset akan menghadapi cabaran yang lebih besar pada masa akan datang.
- 4.13 **Encik Ab. Gafa bin Keme** mohon YH Dato' Bendahari untuk menjawab persoalan mengenai kebijakan pekerja kerana ia juga merupakan perkara yang penting.
- 4.14 **YH Dato' Bendahari** menjawab KOSMA menjaga kebijakan pekerja dan juga memberi kemudahan-kemudahan seperti mengadakan jamuan raya, sumbangan semasa bulan puasa serta mengadakan Hari Pekerja.
- 4.15 Masih tidak berpuas hati dengan penjelasan tersebut, **Encik Ab. Gafa bin Keme** menyatakan bahawa beliau ingin tahu mengapa perbelanjaan bagi tahun 2013 turun merudum.

- 4.16 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)** ingin menarik perhatian mengenai perkara berikut :-
- Nota 4 : Pelaburan KUMIPA Berhad (muka surat 26), beliau dapat dari tahun-tahun yang sebelumnya tiada kemajuan dan keuntungan. Oleh yang demikian Anggota Lembaga harus mengkaji adakah KOSMA perlu jual pelaburan tersebut atau dilabur ke tempat lain.
 - Mengenai percuakan , beliau bertanya berapa jangkaan cukai yang akan dibayar oleh KOSMA pada tahun ini.
- 4.17 **YH Dato' Bendahari** memaklumkan jangkaan cukai yang mungkin akan dibayar pada tahun ini dianggarkan sebanyak RM8 juta.
- 4.18 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal** menyatakan bahawa anggaran tersebut adalah jauh lebih rendah berbanding dengan cukai pada tahun-tahun sebelumnya. YH Dato' Shahbudin bin Imam Mohamad mungkin mempunyai idea bagaimana untuk mengurangkan cukai. Beliau menambah kepakaran yang dimiliki oleh Anggota Lembaga jangan diperlekehkan. Bila persidangan mesyuarat, idea yang baik harus dikumpulkan , perbaiki kelemahan dan wujudkan suasana yang harmoni.
Beliau terlebih dahulu memohon maaf jika kenyataan beliau membuat individu tertentu terasa hati. Beliau merujuk mukasurat 25 – Nota 3 : Hartanah, Loji dan Peralatan. '(e) Termasuk di dalam aset-aset lain dalam kos pemasangan kabel elektrik ke kompleks perlادangan berjumlah RM453,906. Susutnilai akan diperuntukkan apabila pemasangan kabel siap dan dapat digunakan sepenuhnya'. Beliau difahamkan bahawa ianya tidak berfungsi dan bagaimana untuk mengatasi kos tersebut, siapa yang akan dipertanggungjawabkan dan adakah perlu diwujudkan jawatankuasa.
Sepatutnya sebarang tindakan perlu rujuk kepada Akta Koperasi , Undang-undang Kecil dan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi mengelakkan perkara seumpamanya berlaku lagi. Jangan sampai berlaku salah guna kuasa. Beliau berharap semua sama-sama mencari kaedah bagaimana cara untuk menyelesaikannya.
- 4.19 **Encik Shamsul Rijal bin Mohamad Salleh (Anggota : 1789)** merujuk Laporan Tahunan muka surat 77 - Terdapat perbezaan nyata pada muka surat 25 Laporan dan Penyata Kewangan, Bahagian (e) menyatakan bahawa pemasangan kabel siap dan dapat digunakan sepenuhnya. Tetapi dalam laporan yang dibuat oleh audit mengatakan bahawa bekalan elektrik yang tidak dapat disambung ke bilik enjin Ladang Gajah Jinak atas sebab-sebab kesilapan teknikal. Setelah disiasat didapati rekabentuk yang dicadangkan adalah tidak sesuai. Beliau mohon penjelasan mengapa berlaku percanggahan sedemikian.
- 4.20 **YH Dato' Bendahari** menjelaskan bahawa KOSMA telah membuat ujian dibuat ke atas janakuasa elektrik namun ia tidak berfungsi dengan baik disebabkan oleh masalah tahap keupayaan dan kestabilan janakuasa tersebut.Terdapat 3 jenis janakuasa elektrik daripada kilang iaitu pembekalan melalui genset @ turbine, stim dan bio-gas.
Perkara ini telah dikaji semula dan diputuskan supaya ianya diperbaiki dan ditenderkan semula. Malah peralatan di dalam projek yang terdahulu boleh diguna semula di dalam projek pembaikan tersebut. Kos RM400 ribu tersebut juga telah dimasukkan ke dalam kos pembangunan.
- 4.21 **YH Dato' Timbalan Pengurus** menjawab isu mengenai saham KUMIPA Berhad yang mana saham ini bukan melibatkan KOSMA sahaja malah boleh dikatakan koperasi seluruh Negeri Pahang terlibat. Memang harganya kini amat menyedihkan tetapi bagi koperasi yang tidak melibatkan pinjaman dengan bank untuk membeli saham ini tiada menghadapi masalah besar sangat kerana dividen dibayar

kepada KOSMA masih memberi keuntungan berbanding dengan harga asal bernilai RM1. Begitu juga dengan beberapa koperasi lain menerima nasib yang sama di negeri Pahang.

- 4.22 **YH Dato' Sri Pengerusi** merujuk kepada kenyataan anggota mengenai salah guna kuasa, beliau menegaskan bahawa sebarang keputusan dan tindakan yang diambil semuanya diluluskan oleh Lembaga dan perkara-perkara tersebut telah dibuat semakan dan penilaian oleh konsultan. Jadi tidak timbul isu Pengerusi atau Jawatankuasa yang membuat keputusan sendiri.
- 4.23 Di atas cadangan yang dikemukakan oleh **YBhg Dato' Haji Ayob bin Haji Abdul Ghani (Anggota : 1938)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju dan menerima pembentangan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2013.

	16,447,904	21,474,731	20,755,937	21,721,078
Keuntungan bersih sebelum Rizab				
Am Ladang dan Yuran Pengurusan	69,351,872	87,512,696	63,209,674	73,574,049
Tolak:				
Yuran Pengurusan kepada Koperasi (10%)	6,935,187	8,751,270	6,320,967	7,357,405
Keuntungan Bersih Sebelum Rizab Am Ladang	62,416,685	78,761,426	56,888,707	66,216,644
Tolak:				
Rizab Am Ladang	7,767,643	8,000,000	6,000,000	8,000,000
Keuntungan Bersih Selepas Rezab Am	54,649,042	70,761,426	50,888,707	58,216,644
Keuntungan bersih dipindah ke Akaun untungrugi Koperasi	29,690,824	38,543,749	27,647,834	31,629,103
	54.33%	54.47%	54.33%	54.33%
Keuntungan bersih dipindah ke (B) Akaun untungrugi Terkumpul Unit Ladang	24,958,218	32,217,677	24,154,272	26,587,541
	45.67%	45.53%	45.67%	45.67%
Peruntukan Cukai	5,750,455	8,512,060	5,797,025	6,381,010

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

BELANJAWAN ASET TETAP IBU PEJABAT

Perkara	Bajet Asal 2015	Pindaan 2015	Bajet 2016
Jalan Perladangan a. Jalan Probase - Fasa III	1,500,000	1,500,000	1,000,000
Peralatan Pejabat	200,000	200,000	200,000
Kenderaan a. Coach/Bas	-	550,000	-
Perkakasan dan perisian komputer	150,000	150,000	150,000
Tanah	15,000,000	15,000,000	15,000,000
Ar-Rahnu	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Jumlah	18,850,000	19,400,000	18,350,000

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

BELANJAWAN ASET TETAP LADANG

Bajet 2015 (pindaan)

ITEM	LGJ	HEK	LSK	LBS	LK6	LK7	LK8	LK9	TOTAL
Building	400,000	800,000	395,000	291,600	1,990,000	495,000	1,225,000	135,000	5,731,600
Plant & Machinery	-	25,000	-	-	100,000	185,000	148,500	-	458,500
Equipments				1,000		51,000	-	-	52,000
Furniture, Fixture & Fitting	210,000	200,000	195,000	80,000	200,000	133,500	100,000	10,500	1,129,000
IT	203,500		40,000	20,000	40,000	10,000	33,500	30,000	30,000
Vehicle	130,000	185,000	120,000	110,000	100,000	-	-	-	645,000
TOTAL	780,000	1,230,000	751,000	491,600	2,474,500	843,500	1,503,500	145,500	8,219,600

Bajet 2016

ITEM	LGJ	LGJ(HEK)	LSK	LBS	LK6	LK7	LK8	LK9	TOTAL
Building	225,000	800,000	395,000	211,600	1,990,000	495,000	1,225,000	135,000	5,476,600
Plant & Machinery	20,000	15,000	-	-	100,000	185,000	148,500	-	468,500
Equipment	-	-	1,000	-	51,000	-	-	-	52,000
Furniture, Fixture & Fitting	-	200,000	195,000	-	200,000	133,500	100,000	10,500	839,000
IT	40,000	20,000	40,000	10,000	33,500	30,000	30,000	-	203,500
Vehicle	-	185,000	20,000	-	100,000	-	-	-	305,000
TOTAL	285,000	1,220,000	651,000	221,600	2,474,500	843,500	1,503,500	145,500	7,344,600

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

JANGKAAN PENGELOUARAN BTB MENGIKUT LADANG BAGI TAHUN 2015

Nama Ladang	Hasil BTB (dalam mt) Pindaan 2015	Hasil BTB (dalam RM) Pindaan 2015
Ladang Gajah Jinak	45,000	22,500,000
Ladang Sg Kepasing	27,000	13,500,000
Ladang Bukit Serlai	16,500	8,250,000
Ladang Kosma 6	27,000	13,500,000
Ladang Kosma 7	28,300	14,150,000
Ladang Kosma 8	50,000	25,000,000
Ladang Kosma 9	41,200	20,600,000
Jumlah	235,000	117,500,000

Nota :

BTB pada harga RM 500/tan bagi tahun 2015

Harga BTB di atas telah mengambil kira SES CPO, pengangkutan CPO dan PK serta kos memproses BTB di kilang

JANGKAAN PENGELOUARAN BTB MENGIKUT LADANG BAGI TAHUN 2016

Nama Ladang	Hasil BTB (dalam mt) Bajet 2016	Hasil BTB (dalam RM) Bajet 2016
Ladang Gajah Jinak	48,500	26,675,000
Ladang Sg Kepasing	36,500	20,075,000
Ladang Bukit Serlai	13,800	7,590,000
Ladang Kosma 6	24,300	13,365,000
Ladang Kosma 7	27,500	15,125,000
Ladang Kosma 8	47,800	26,290,000
Ladang Kosma 9	40,600	22,330,000
Jumlah	239,000	131,450,000

Nota :

BTB pada harga purata RM550/tan bagi tahun 2016

Harga BTB di atas telah mengambil kira SES CPO, pengangkutan CPO dan PK serta kos memproses BTB di kilang

KOSMA ESTATES GROUP SUMMARY-2015 - 6th March 2015 (Second Revision)

LADANG GAJAH JINAK		LADANG SUNGAI KEPASING		LADANG BUKIT SERLAI	
PLANTED					
MATURE OP (HECT)	2,002.4				710.9
IMMATURE OP (HECT)	595.9				1,238.9
TOTAL HECT	2,598.3				1,949.8
TOTAL FFB CROP (MT)	45,000				16,500
	EST	COST/ HECT TONNE	EST	COST/ HECT TONNE	EST
GENERAL CHARGES	2,614,150	1,006.10	58.09	2,243,152	1,067.96
FIELD UPKEEP -MATURE	3,552,980	1,774.36	78.96	2,340,589	1,891.08
HARVESTING & COLLECTION	2,652,600	1,324.71	58.95	1,776,850	1,435.61
TOTAL (1)	8,819,730	-	195.99	6,360,591	-
(EX-ESTATE)					235.58
FIELD UPKEEP - IMMATURE	1,301,360	2,183.86	28.92	1,775,860	2,058.49
DEPRECIATION	465,840	179.29	10.35	515,196	245.28
DIRECTOR / H.OFF EXPENSES	675,000	259.79	15.00	405,000	192.82
WINDFALL PROFIT TAX	67,500	25.98	1.50	40,500	19.28
TOTAL (2) OTHERS	2,509,700	-	55.77	2,736,556	-
GRAND TOTAL	11,329,430	4,360.32	251.77	9,097,147	4,331.15
(1) + (2)				336.93	8,571,785
CAPITAL	780,000	-	-	751,000	-
CAPITAL (LG)-HEK	1,230,000	-	-	491,600	-

KOSMA ESTATES GROUP SUMMARY-2015 - 6th March 2015 (Second Revision)

LADANG KOSMA 6		LADANG KOSMA 7		LADANG KOSMA 8	
PLANTED					
MATURE OP (HECT)	1,614.0		1,196.80		2,448.8
IMMATURE OP (HECT)	698.0		401.0		-
TOTAL HECT	2,312.0		1,597.80		2,448.8
TOTAL FFB CROP (MT)	27,000		28,300		50,000
GENERAL CHARGES	2,048,050	EST COST/ HECT TONNE	885.83	EST COST/ HECT TONNE	75.85
FIELD UPKEEP-MATURE	2,441,260		1,512.55		90.42
HARVESTING & COLLECTION	1,543,900		956.57		57.18
TOTAL (1) (EX-ESTATE)	6,033,210	-	223.45	5,284,680	-
FIELD UPKEEP - IMMATURE	3,057,830	EST COST/ HECT TONNE	4,380.85	EST COST/ HECT TONNE	113.25
DEPRECIATION	224,200		96.97		8.30
DIRECTOR / H.OFF EXPENSES	405,000		175.17		15.00
WINDFALL PROFIT TAX	40,500		17.52		1.50
TOTAL (2) OTHERS	3,727,530	-	138.06	2,873,337	-
GRAND TOTAL (1) + (2)	9,760,740	4,221.77	361.51	8,158,017	5,105.78
CAPITAL	2,474,500		-	843,500	
CAPITAL (LGJ-HEK)	-		-	-	-
				1,503,500	
				-	-

KOSMA ESTATES GROUP SUMMARY-2015 - 6th March 2015 (Second Revision)

LADANG KOSMA 9		TOTAL	
PLANTED			
MATURE OP (HECT)	2,170.3	11,380.9	
IMMATURE OP (HECT)	-	3,796.5	
TOTAL HECT	2,170.3	15,177.4	
TOTAL FFB CROP (MT)	41,200	235,000	
		EST	COST/ HECT TONNE
GENERAL CHARGES	2,031,050	935.84	49.30
FIELD UPKEEP -MATURE	4,540,910	2,092.30	110.22
HARVESTING & COLLECTION	2,719,200	1,252.91	66.00
TOTAL (1) (EX-ESTATE)	9,291,160	-	225.51
FIELD UPKEEP - IMMATURE	-	-	-
DEPRECIATION	101,504	46.77	2.46
DIRECTOR / H.OFF EXPENSES	-	-	-
WINDFALL PROFIT TAX	61,800	28.48	1.50
TOTAL (2) OTHERS	163,304	-	3.96
GRAND TOTAL (1) + (2)	9,454,464	4,356.29	229.48
CAPITAL	145,500	-	-
CAPITAL (LG)-HEK	-	-	-
			6,989,600
			1,230,000

KOSMA ESTATES GROUP SUMMARY-2016 - 20th April 2015

	LADANG GAJAH JINAK	LADANG SUNGAI KEPASING	LADANG BUKIT SERLAI						
PLANTED									
MATURE OP (HECT)	2,598.9	1,964.6	666.9						
IMMATURE OP (HECT)	-	135.8	1,282.9						
TOTAL HECT	2,598.9	2,100.4	1,949.8						
TOTAL FFB CROP (MT)	48,500	36,500	13,800						
	EST	COST/ HECT TONNE	EST	COST/ HECT TONNE	EST	COST/ HECT TONNE	EST	COST/ HECT TONNE	
GENERAL CHARGES	2,608,620	1,003.74	53.79	2,652,789	1,262.99	72.68	1,772,360	909.00	128.43
FIELD UPKEEP-MATURE	5,044,440	1,940.99	104.01	3,469,470	1,765.99	95.05	888,600	1,332.43	64.39
HARVESTING & COLLECTION	2,911,650	1,120.34	60.03	2,464,900	1,254.66	67.53	799,700	1,199.13	57.95
TOTAL (1)	10,564,710	-	217.83	8,587,159	-	235.26	3,460,660	-	250.77
(EX-ESTATE)									
FIELD UPKEEP - IMMATURE	-	-	-	326,200	2,402.06	8.94	3,945,060	3,075.11	285.87
DEPRECIATION	509,555	196.07	10.51	515,196	245.28	14.11	342,125	175.47	24.79
DIRECTOR / H.OFF EXPENSES	727,500	279.93	15.00	547,500	260.66	15.00	207,000	106.16	15.00
WINDFALL PROFIT TAX	72,750	27.99	1.50	54,750	26.07	1.50	20,700	10.62	1.50
TOTAL (2) OTHERS	1,309,805	-	27.01	1,443,646	-	39.55	4,514,885	-	327.17
GRAND TOTAL (1) + (2)	11,874,515	4,569.05	244.84	10,030,805	4,775.66	274.82	7,975,545	4,090.44	577.94
CAPITAL	285,000	-	-	651,000	-	-	221,600	-	-
CAPITAL (LG)-HEK	1,220,000	-	-	-	-	-	-	-	-

KOSMA ESTATES GROUP SUMMARY-2016 - 20th April 2015

LADANG KOSMA 6		LADANG KOSMA 7		LADANG KOSMA 8	
PLANTED					
MATURE OP (HECT)	1,369.0		1,195.80		2,199.8
IMMATURE OP (HECT)	943.0		404.0		249
TOTAL HECT	2,312.0		1,599.80		2,448.8
TOTAL FFB CROP (MT)	24,300		27,500		47,800
EST	COST/ HECT TONNE	EST	COST/ HECT TONNE	EST	COST/ HECT TONNE
GENERAL CHARGES	2,051,960	887.53	84.44	1,821,210	1,138.40
FIELD UPKEEP -MATURE	2,123,030	1,550.79	87.37	2,134,450	1,784.96
HARVESTING & COLLECTION	1,386,000	1,012.42	57.04	1,466,300	1,226.21
TOTAL (1)	5,560,990	-	228.85	5,421,960	-
(EX-ESTATE)				197.16	8,831,250
FIELD UPKEEP - IMMATURE	3,454,447	3,663.25	142.16	1,085,120	2,685.94
DEPRECIATION	224,200	96.97	9.23	413,260	258.32
DIRECTOR / H.OFF EXPENSES	364,500	157.66	15.00	412,500	257.84
WINDFALL PROFIT TAX	36,450	15.77	1.50	41,250	25.78
TOTAL (2) OTHERS	4,079,597	-	167.88	1,952,130	-
GRAND TOTAL	9,640,587	4,169.80	396.73	7,374,090	4,609.38
(1) + (2)				268.15	8,831,250
CAPITAL	2,474,500	-	-	843,500	-
CAPITAL (L-G)-HEK	-	-	-	-	1,503,500

KOSMA ESTATES GROUP SUMMARY-2016 - 20th April 2015

LADANG KOSMA 9		TOTAL	
PLANTED			
MATURE OP (HECT)	2,170.3	12,165.3	
IMMATURE OP (HECT)	-	3,014.7	
TOTAL HECT	2,170.3	15,180.0	
TOTAL FFB CROP (MT)	40,600	239,000	
EST	COST/ HECT	COST/ TONNE	
GENERAL CHARGES	2,099,777	967.51	51.72
FIELD UPKEEP -MATURE	4,631,133	2,133.87	114.07
HARVESTING & COLLECTION	2,679,600	1,234.67	66.00
TOTAL (1) (EX-ESTATE)	9,410,510	-	231.79
FIELD UPKEEP - IMMATURE	-	-	-
DEPRECIATION	100,716	46.41	2.48
DIRECTOR / H.OFF EXPENSES	-	-	-
WINDFALL PROFIT TAX	60,900	28.06	1.50
TOTAL (2) OTHERS	161,616	-	3.98
GRAND TOTAL (1) + (2)	9,572,126	4,410.51	235.77
CAPITAL	145,500	-	-
CAPITAL (LGJ-HEK)	-	-	-
			6,124,600
			1,220,000

KERTAS BIL : KMA. 06/2014

MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH KEPADA SUBSIDIARI KOPERASI

1.0 TUJUAN

Kertas ini dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Agung mengenai kadar elaun-elaun bagi Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada anggota lembaga yang dilantik sebagai pengarah kepada subsidiari koperasi.

2.0 LATARBELAKANG

Untuk makluman anggota-anggota berikut adalah kadar elaun-elaun yang digunakan bagi Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman serta subsidiari/jawatankuasa yang telah diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke 32 pada 7 Jun 2014 iaitu :

	Anggota Lembaga	J/kuasa Audit Dalaman	Subsidiari/ Jawatankuasa
Jenis Elaun	RM	RM	RM
Elaun Mesyuarat	Pengerusi 500.00 Timbalan 500.00 Setiausaha 500.00 Bendahari 500.00 Anggota 500.00	Pengerusi 250.00 Anggota 250.00	Pengerusi 250.00 AJK 250.00
Elaun Tugas Rasmi/Kerja	100.00	50.00	50.00
Elaun Telefon	Pengerusi 200.00 Timbalan 200.00 Setiausaha 200.00 Bendahari 200.00 Anggota 200.00	Pengerusi 100.00 Setiausaha 100.00	-
Perubatan	ALK - Hospitalisasi (insurans) - Had rawatan sakit luar 5,000	JKAD - Hospitalisasi (insurans) - Had rawatan sakit luar 2,500	-
Elaun Semasa Kursus	Ikut kadar elaun kerja/ luar kawasan	Ikut kadar elaun kerja/ luar kawasan	-

Bayaran Saguhati Persidangan	Tertakluk kepada kadar yang ditetapkan Kerajaan dari masa ke masa	Tertakluk kepada kadar yang ditetapkan Kerajaan dari masa ke masa	-
Elaun Bertugas di Luar Negara	Ikut kadar elau kerja/ luar kawasan	-	-
Elaun Hadir ke mahkamah (disapina)	Ikut kadar elau kerja/ luar kawasan		
Elaun Makan Elaun Harian	150.00 75.00	80.00 40.00	80.00 40.00
Elaun Perjalanan Kenderaan	0.85/km	0.75/km	0.75/km
Penginapan	Dengan Resit (Sebenar) 400.00 Tanpa Resit 200.00	Dengan Resit (tidak lebih) 250.00 Tanpa Resit 100.00	Dengan Resit (tidak lebih) 250.00 Tanpa Resit 100.00

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah dengan hormatnya dipohon untuk meluluskan kadar elau-elau yang digunakan bagi Anggota Lembaga, Anggota Lembaga yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah Subsidiari Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman KOSMA seperti di para 2.0.

A G E N D A : 7

KERTAS BIL : KMA. 07/2014

MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN
YANG DIBIAYAI OLEH WANG LEBIHAN KOPERASI INI

1.0 TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung untuk memberi kuasa kepada Lembaga KOSMA mengenai had pelaburan sejumlah RM50 Juta menurut Fasal (2) Undang-undang Kecil 66 dalam pelaburan :-

- I.1 Mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara atau mana-mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- I.2 Syer mana-mana Koperasi lain;
- I.3 Secara usahasama tertakluk peruntukan Seksyen 54 Akta Koperasi 1993;
- I.4 Apa-apa pelaburan dan sekuriti lain pada masa ini dibenarkan di bawah mana-mana Undang-undang bertulis bagi Wang Amanah ; atau
- I.5 Lain-lain pelaburan atau kegiatan yang dibenarkan oleh Undang-undang Kecil.

2.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah dipohon untuk meluluskan had pelaburan di atas serta memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan berkenaan

AGENDA : 8

KERTAS BIL : KMA. 08/2014

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung untuk menentukan Had Maksimum pinjaman KOSMA mengikut Peraturan 12 (1) (i) Peraturan-peraturan Koperasi 1995 serta Fasal (1) dan (3) Undang-undang Kecil 65 dan seterusnya memberi kuasa kepada Anggota Lembaga KOSMA untuk mendapatkan pinjaman daripada mana-mana Institusi Kewangan tertakluk kepada had maksima pinjaman yang diluluskan.

2.0 KEMUDAHAN KREDIT

Untuk tujuan pelaburan dan kemungkinan permohonan / pembelian tanah baru adalah dicadangkan supaya Mesyuarat Agung meluluskan had pinjaman sebanyak RM50 Juta.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah dipohon memberi kebenaran kepada Lembaga untuk mendapatkan pinjaman tambahan tidak melebihi RM50 Juta, sekiranya perlu, daripada mana-mana institut kewangan berdaftar.

KERTAS BIL : KMA. 09/2014

MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA
EMPAT FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung untuk melantik suatu panel yang terdiri daripada empat Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi mengikut Peraturan 12(1) (g) Peraturan-peraturan Koperasi 1995.

2.0 KEPUTUSAN

Lembaga KOSMA mencadangkan firma-firma akauntan bertauliah berikut dilantik sebagai panel Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi mengikut Peraturan 12 (1) (g) Peraturan-peraturan Koperasi 1995;

- a. Norila & Associates
- b. Mohamed Asri & Co
- c. AKN Arif (formerly known as Omar Arif A. Rahman & Associates)
- d. Wan Nadzir & Co

3.0 KEPUTUSAN

- (i) Mesyuarat Agung adalah dipohon untuk meluluskan pelantikan panel Juruaudit seperti dinyatakan di Para 2 di atas mengikut kehendak Peraturan 12 (1) (g) Peraturan-peraturan Koperasi 1995.
- (ii) Mesyuarat Agung bersetuju memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik salah satu panel daripada firma-firma Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi dan Syarikat Subsidiari bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

AGENDA : 10.1 KERTAS BIL : KMA. 10.1/2014

USUL ANGGOTA LEMBAGA BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 33 – MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN BERIKUT :

- I. ATURAN PERMOHONAN DAN PENERIMAAN ANGGOTA BARU KOSMA
- II. ATURAN PINDAH MILIK MODAL SYER SERTA UNIT LADANG ANGGOTA KOSMA

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan anggota-anggota KOSMA bagi perkara berikut :-

- i. Aturan Permohonan dan Penerimaan Anggota Baru KOSMA
- ii. Aturan Pindah Milik Modal Syer serta Unit Ladang Anggota KOSMA

2.0 LATAR BELAKANG

Kertas ini diketengahkan berdasarkan cadangan yang dikemukakan dan dipersetujui mesyuarat Lembaga KOSMA untuk diangkat ke mesyuarat agung tahunan bagi mendapat kelulusan iaitu :

- i. Aturan Permohonan dan Penerimaan Anggota Baru KOSMA. (Lampiran I)
- ii. Aturan Pindahmilik Modal Syer serta Unit Ladang Anggota KOSMA.
(Lampiran II)

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung yang bersidang pada hari ini adalah dipohon untuk menimbang bagi meluluskan cadangan ini untuk tindakan selanjutnya oleh anggota Lembaga KOSMA.

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

ATURAN PERMOHONAN DAN PENERIMAAN ANGGOTA BARU KOSMA

I. Tajuk Dan Tarikh Kuatkuasa

- i. Aturan ini dinamakan Aturan Permohonan Dan Penerimaan Anggota Baru KOSMA.
- ii. Aturan ini diwujudkan selaras dengan peruntukan Seksyen 26 Akta Koperasi, 1993 dan Fasal 12 Undang-Undang Kecil.
- iii. Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa selepas mendapat persetujuan Mesyuarat Agung KOSMA dan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

2. Tafsiran

Dalam Aturan ini, jika konteksnya menghendaki sedemikian, melainkan dengan jelas dinyatakan sebaliknya, maka perkataan berikut hendaklah membawa maksud :-

“Akta” ertinya Akta Koperasi, 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Anggota” ertinya seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-Undang Kecil sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Aturan” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh KOSMA tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-Undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

“KOSMA” ertinya Koperasi Serbausaha Makmur Berhad;

“Lembaga” ertinya badan pengelola KOSMA yang kepadanya pengurusan hal-ehwal KOSMA diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Penama” ertinya seseorang yang dinamakan oleh anggota sebagai Wasi/Penama atau wakil yang sah untuk menerima setelah ia meninggal dunia, wang atau lain-lain yang terhak baginya di dalam Kosma”;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Syer” ertinya bahagian dalam modal syer KOSMA yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam KOSMA, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2 Akta Koperasi, 1993;

“Undang-Undang Kecil” ertinya Undang-Undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh KOSMA pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi, 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-Undang Kecil KOSMA, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Unit Ladang” ertinya unit-unit pelaburan yang disumbangkan oleh anggota-anggota dalam ladang KOSMA menurut Fasal 9 (1) (a) Undang-Undang Kecil.

3. Tujuan Aturan

Aturan ini bertujuan untuk :-

- i. mengujudkan aturan dan tatacara permohonan dan penerimaan anggota baru KOSMA;
- ii. memastikan setiap permohonan dan penerimaan anggota baru KOSMA mematuhi kehendak Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil; dan
- iii. sebagai garis panduan bagi memastikan proses permohonan dan penerimaan anggota baru KOSMA dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

4. Kelayakan Menjadi Anggota

Pemohon yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah tergolong dalam salah satu kategori yang dinyatakan di dalam Fasal 11 (1) Undang-Undang Kecil dan juga tertakluk kepada peruntukan Fasal 11 (2) Undang-Undang Kecil.

5. Permohonan Menjadi Anggota

- i. Permohonan menjadi anggota baru KOSMA hendaklah menggunakan Borang Permohonan Menjadi Anggota (Borang 1) seperti di Jadual-Jadual Aturan kepada Undang-Undang Kecil.
- ii. Pemohon hendaklah terlebih dahulu menentukan bahawa Borang Permohonan tersebut telah diisi dengan lengkap dan sempurna serta ditandatangani dan dokumen-dokumen sampingan telah disertakan.
- iii. Pemohon hendaklah menyertakan bersama Borang Permohonan satu salinan kad pengenalan, Salinan asal Akuan Berkanun yang menyatakan bahawa Pemohon bukanlah seorang yang pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah atau kesalahan yang boleh daftar atau bankrap dan/atau salinan asal carian kebankrapan terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.
- iv. Pemohon hendaklah juga menandatangani suatu Ikrar Anggota menurut Fasal 14 (1) Undang-Undang Kecil dan Ikrar tersebut hendaklah dikepilkkan bersama Borang Permohonan.
- v. Borang Permohonan yang lengkap diisi hendaklah dicadang oleh seorang pencadang dan disokong oleh seorang penyokong. Pencadang dan penyokong hendaklah terdiri daripada ahli KOSMA yang berdaftar.

6. Penerimaan Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Sebagai Anggota

- i. Wasi atau penama atau wakil yang sah kepada mana-mana anggota yang meninggal dunia, hendaklah memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh tiga bulan selepas kematian anggota itu atau dalam tempoh masa yang pihak Lembaga fikirkan wajar.

- ii. Permohonan menjadi anggota KOSMA oleh Wasi atau penama atau wakil yang sah tersebut hendaklah menggunakan Borang Permohonan Menjadi Anggota (Borang I) seperti di Jadual-Jadual Aturan kepada Undang-Undang Kecil.
- iii. Wasi atau penama atau wakil yang sah juga hendaklah menyertakan bersama permohonan tersebut suatu Akuan Berkanun oleh setiap waris simati yang menyatakan bahawa mereka bersetuju dan tiada halangan untuk Wasi atau penama atau wakil yang sah menjadi anggota KOSMA bagi menggantikan simati dan waris-waris lain menolak hak mereka ke atas keanggotaan tersebut serta tidak akan menuntut hak tersebut pada masa akan datang.
- iv. Tatacara di perenggan 5 (ii), (iii), (iv) dan (v) adalah terpakai kepada perenggan 6 ini.

7. **Fi Masuk**

- i. Setiap permohonan menjadi anggota baru KOSMA hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM300-00 menurut Fasal 13 (1) Undang-Undang Kecil.
- ii. Sekiranya pemohon adalah bekas anggota KOSMA yang memohon semula untuk menjadi anggota, maka fi masuk yang dikenakan adalah sebanyak RM600-00 menurut Fasal 13 (2) Undang-Undang Kecil.
- iii. Manakala bagi Wasi atau penama atau wakil yang sah kepada anggota KOSMA yang meninggal dunia, memohon menjadi anggota dalam tempoh tiga bulan atau dalam tempoh yang pihak Lembaga fikirkan wajar, tiada sebarang fi masuk dikenakan menurut Fasal 13 (3) Undang-Undang Kecil.
- iv. Kesemua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi KOSMA.

8. **Memproses Borang Permohonan**

- i. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Setiausaha KOSMA atau mana-mana pegawai KOSMA yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus permohonan menjadi anggota baru KOSMA.
- ii. Mana-mana Borang Permohonan yang tidak disertakan dengan Ikrar Anggota atau keengganan pemohon menandatangani Ikrar Anggota tidak akan diproses dan tidak boleh diterima menjadi anggota menurut Fasal 14 (2) Undang-Undang Kecil.
- iii. Penerimaan Borang Permohonan yang lengkap sahaja hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran Permohonan Menjadi Anggota.
- iv. Setiausaha hendaklah bertanggungjawab dalam menentukan kesahihan kelayakan Pemohon mematuhi Fasal 11 (1) dan 11 (2) Undang-Undang Kecil. Dalam hal ini perakuan daripada Ketua Jabatan Pemohon hendaklah diperolehi, jika berkenaan.
- v. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran Permohonan Menjadi Anggota dan hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha KOSMA untuk pertimbangan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga bagi tujuan kelulusan.

9. Menimbang Permohonan Dan Penerimaan Anggota Baru Dalam Mesyuarat Lembaga

- i. Setiap permohonan menjadi anggota baru hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha untuk pertimbangan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga menurut Fasal 43 (c) (iv) Undang-Undang Kecil.
- ii. Lembaga hendaklah menimbang permohonan menjadi anggota mengikut giliran berpandukan nombor daftar di dalam Buku Pendaftaran Permohonan Menjadi Anggota.
- iii. Setelah Lembaga berpuas hati dengan permohonan tersebut dan dokumen sampingan yang dilampirkan termasuklah Ikrar Anggota dan status kebankrapan pemohon, maka Lembaga boleh di atas budi bicaranya menerima atau menolak sesuatu permohonan itu.
- iv. Kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan itu hendaklah dicadangkan dan disokong oleh Lembaga dan mendapat undi terbanyak semasa pengundian. Kelulusan atau penolakan itu hendaklah dicatatkan di dalam Buku Minit Mesyuarat Lembaga dan di dalam Buku Pendaftaran Permohonan Menjadi Anggota.
- v. Setiap kelulusan permohonan menjadi anggota hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pemohon tersebut dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas dari tarikh penerimaannya menjadi anggota menurut Fasal 15 Undang-Undang Kecil.
- vi. Setiap penerimaan anggota baru KOSMA hendaklah dicatatkan di dalam Buku Daftar Anggota.
- vii. Setiap penolakan permohonan menjadi anggota hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pemohon dalam tempoh tidak lewat dari tiga puluh hari daripada tarikh penolakan tersebut. Fi masuk yang telah dijelaskan semasa penyerahan Borang Permohonan hendaklah dikembalikan kepada pemohon menurut Seksyen 50 (a) Akta.

10. Kuasa Menerima Atau Menolak Permohonan Menjadi Anggota.

- i. Adalah menjadi kuasa muktamad Lembaga samada untuk menerima atau menolak sesuatu permohonan untuk menjadi anggota baru KOSMA.
- ii. Lembaga tidak perlu menyatakan sebarang alasan bagi penolakan permohonan menjadi anggota baru KOSMA.

11. Perolehan Hak, Kewajipan dan Liabiliti Anggota

- i. Setiap anggota yang diterima masuk hendaklah menjelaskan bayaran syer minimum sebanyak RM1,000.00 dan sekurang-kurangnya satu unit ladang menurut Seksyen 28, Akta dan Fasal 58 (1) dan Fasal 58 (2) (b) Undang-Undang Kecil.
- ii. Apabila bayaran syer minimum tersebut telah dijelaskan, maka anggota tersebut bolehlah melaksanakan segala hak kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota menurut Fasal 16 Undang-Undang Kecil.
- iii. Lembaga boleh menyingkirkan anggota baru tersebut dalam keadaan di mana anggota tersebut gagal menjelaskan syer minimum sebanyak RM1,000.00 dan sekurang-kurangnya satu unit ladang dalam

tempoh dua belas bulan daripada tarikh penerimaannya sebagai anggota baru KOSMA menurut Fasal 21 (2) (d) Undang-Undang Kecil.

12. Kuasa Mesyuarat Agung

Mesyuarat agung mempunyai kuasa mutlak untuk meminda, menambah, mengganti atau menarik balik Aturan ini.

13. Pertikaian

Sebarang pertikaian atau perselisihan pendapat berkaitan Aturan ini, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya untuk diputuskan menurut Seksyen 82 (1) Akta dan Fasal 82 (1) Undang-Undang Kecil.

14. Akta, Peraturan Dan Undang-Undang Kecil

- i. Aturan ini adalah sebagai tambahan kepada Undang-Undang Kecil dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang dibaca bersamanya.
- ii. Satu salinan Aturan ini hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari setelah diluluskan oleh Mesyuarat Agung KOSMA.

Diakui Aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung KOSMA kali ke pada, 2015.

tt

.....
(Pengerusi)

tt

.....
(Anggota)
Lembaga

tt

.....
(Anggota)
Lembaga

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)**ATURAN PINDAH MILIK MODAL SYER SERTA
UNIT LADANG ANGGOTA KOSMA****I. Tajuk Dan Tarikh Kuatkuasa**

- a. Aturan ini dinamakan Aturan Pindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Di Kalangan Anggota KOSMA.
- b. Aturan ini diwujudkan selaras dengan peruntukan Seksyen 50 (b) Akta Koperasi, 1993 dan Fasal 60 (I) Undang-Undang Kecil dan Aturan 24 Aturan Pengurusan Unit Ladang Dan Penggunaan Kumpulan Wang Unit Ladang (Jadual I kepada Undang-Undang Kecil).
- c. Aturan ini hendaklah mula berkuatkuasa selepas mendapat persetujuan Mesyuarat Agung KOSMA dan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

2. Tafsiran

Dalam Aturan ini, jika konteksnya menghendaki sedemikian, melainkan dengan jelas dinyatakan sebaliknya, maka perkataan berikut hendaklah membawa maksud :-

“Akta” ertinya Akta Koperasi, 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“Anggota” ertinya seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-Undang Kecil sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Aturan” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh KOSMA tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-Undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

“KOSMA” ertinya Koperasi Serbausaha Makmur Berhad;

“Lembaga” ertinya badan pengelola KOSMA yang kepadanya pengurusan hal-ehwal KOSMA diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Pemberi Milik” ertinya anggota yang memindah milik modal syernya serta unit ladang kepada anggota KOSMA yang lain;

“Penama” ertinya seseorang yang dinamakan oleh anggota sebagai Wasi/Penama atau wakil yang sah untuk menerima setelah ia meninggal dunia, wang atau lain-lain yang terhak baginya di dalam Kosma”;

“Penerima Milik” ertinya anggota yang menerima milik modal syer serta unit ladang daripada anggota KOSMA yang lain;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Syer” ertinya bahagian dalam modal syer KOSMA yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam KOSMA, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2 Akta Koperasi, 1993;

“Undang-Undang Kecil” ertinya Undang-Undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh KOSMA pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi, 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-Undang Kecil KOSMA, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2, Akta Koperasi, 1993;

“Unit Ladang” ertinya unit-unit pelaburan yang disumbangkan oleh anggota-anggota dalam ladang KOSMA menurut Fasal 9 (1) (a) Undang-Undang Kecil.

3. Tujuan Aturan

Aturan ini bertujuan untuk :-

- a) mengujudkan aturan dan tatacara pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA;
- b) memastikan setiap pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA mematuhi kehendak Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil; dan
- c) sebagai garis panduan bagi memastikan proses pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

4. Kelayakan Memindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Di Kalangan Anggota KOSMA

- a) Pemberi Milik hanya boleh memindah milik modal syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut Fasal 60 (1) Undang-Undang Kecil.
- b) Pemberi Milik hanya boleh memindah milik unit ladangnya yang melebihi pegangan minimum menurut Aturan 24 Aturan Pengurusan Unit Ladang Dan Penggunaan Kumpulan Wang Unit Ladang (Jadual I kepada Undang-Undang Kecil).

5. Permohonan Pindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Di Kalangan Anggota KOSMA

- a) Permohonan untuk pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA hendaklah menggunakan Borang Pindah Milik (Borang III) seperti di Jadual-Jadual Aturan kepada Undang-Undang Kecil.
- b) Pemberi Milik dan Penerima Milik hendaklah terlebih dahulu menentukan bahawa Borang Pindah Milik tersebut telah diisi dengan lengkap dan sempurna serta ditandatangani dan dokumen-dokumen sampingan telah disertakan.
- c) Pemberi Milik dan Penerima Milik hendaklah menyertakan bersama Borang Permohonan satu salinan kad pengenalan, salinan sijil saham modal syer dan sijil unit ladang, salinan asal Surat Akuan yang

menyatakan bahawa Pemberi Milik dan Penerima Milik bukanlah seorang bankrap dan/atau salinan asal carian kebankrapan terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.

- d) Borang Pindah Milik yang lengkap diisi hendaklah disaksikan oleh mana-mana ahli KOSMA yang berdaftar.

6. Permohonan Pindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Atas Kematian Kepada Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada Anggota

- a) Permohonan untuk pindah milik modal syer anggota serta unit ladang atas kematian kepada Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada anggota tersebut hendaklah dibuat secara bertulis dengan mengisi Borang dan dikemukakan kepada KOSMA setelah Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada Anggota tersebut dengan sahnya diterima menjadi anggota KOSMA.
- b) Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada anggota hendaklah menyertakan bersama Borang tersebut salinan asal sijil saham modal syer dan sijil unit ladang, bagi membolehkan sijil saham tersebut dibatalkan dan sijil saham baru dikeluarkan kepada Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada anggota tersebut.

7. Memproses Borang Pindah Milik Di Kalangan Anggota KOSMA

- a. Borang Pindah Milik yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Setiausaha KOSMA yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA..
- b. Penerimaan Borang Pindah Milik yang lengkap sahaja hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA..
- c. Setiausaha KOSMA hendaklah bertanggungjawab dalam menentukan kesahihan kelayakan pemohonan pindah milik mematuhi Fasal 60 (1) Undang-Undang Kecil.
- d. Borang Pindah Milik yang lengkap hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA dan hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha KOSMA untuk pertimbangan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga bagi tujuan kelulusan.

8. Memproses Permohonan Pindah Milik Di Atas Kematian Anggota KOSMA.

- a. Borang Pindah Milik yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Setiausaha KOSMA yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di atas kematian anggota KOSMA dalam tempoh dua belas bulan selepas kematian anggota itu atau selama tempoh yang dibenarkan oleh Lembaga.
- b. Penerimaan Borang Pindah Milik yang lengkap sahaja hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA.
- c. Setiausaha KOSMA hendaklah bertanggungjawab dalam menentukan kesahihan kelayakan pemohonan pindah milik di atas kematian mematuhi Fasal 60 (3) Undang-Undang Kecil.

- d. Borang Pindah Milik di atas kematian yang lengkap hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA dan hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha KOSMA untuk pertimbangan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga bagi tujuan kelulusan.

9. Menimbang Permohonan Pindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Di Kalangan Anggota KOSMA Dalam Mesyuarat Lembaga.

- a. Setiap permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha untuk pertimbangan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga.
- b. Lembaga hendaklah menimbang permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA mengikut giliran berpandukan nombor daftar di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA.
- c. Setelah Lembaga berpuas hati dengan permohonan tersebut dan dokumen sampingan yang dilampirkan termasuklah status kebankrapan Pemberi Milik dan Penerima Milik, maka Lembaga bolehlah di atas budi bicaranya menerima atau menolak sesuatu permohonan itu.
- d. Kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan itu hendaklah dicadangkan dan disokong oleh Lembaga dan mendapat undi terbanyak semasa pengundian. Kelulusan atau penolakan itu hendaklah dicatatkan di dalam Buku Minit Mesyuarat Lembaga dan di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA.
- e. Setiap kelulusan atau penolakan permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Pemberi Milik dan Penerima Milik tersebut dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kelulusan atau penolakan permohonan tersebut.
- f. Pindah Milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA hanya berkuatkuasa setelah kelulusan tersebut didaftarkan oleh KOSMA di dalam Buku Pendaftaran modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA.

10. Menimbang Permohonan Pindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Di Atas Kematian Anggota KOSMA Dalam Mesyuarat Lembaga.

- a. Setiap permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di atas kematian anggota KOSMA hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha untuk pertimbangan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga.
- b. Lembaga hendaklah menimbang permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di atas kematian anggota KOSMA mengikut giliran berpandukan nombor daftar di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA.
- c. Setelah Lembaga berpuas hati dengan permohonan tersebut dan dokumen sampingan yang dilampirkan termasuklah status Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada anggota tersebut, maka Lembaga di atas budi bicaranya hendaklah menerima permohonan tersebut.

- d. Kelulusan sesuatu permohonan tersebut hendaklah dicadangkan dan disokong oleh Lembaga. Kelulusan tersebut hendaklah dicatatkan di dalam Buku Minit Mesyuarat Lembaga dan di dalam Buku Pendaftaran permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA.
- e. Setiap kelulusan permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Wasi/Penama Atau Wakil Yang Sah Kepada anggota tersebut dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari daripada tarikh kelulusan permohonan tersebut.
- f. Pindah Milik modal syer anggota serta unit ladang di atas kematian anggota KOSMA hanya berkuatkuasa setelah kelulusan tersebut didaftarkan oleh KOSMA di dalam Buku Pendaftaran modal syer anggota serta unit ladang anggota KOSMA.

11. Kuasa Menerima Atau Menolak Permohonan Pindah Milik Modal Syer Anggota Serta Unit Ladang Di Kalangan Anggota KOSMA.

- a. Adalah menjadi kuasa muktamad Lembaga samada untuk menerima atau menolak sesuatu permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA.
- b. Lembaga tidak perlu menyatakan sebarang alasan bagi penolakan permohonan pindah milik modal syer anggota serta unit ladang di kalangan anggota KOSMA.

12. Kuasa Mesyuarat Agung.

Mesyuarat agung mempunyai kuasa mutlak untuk meminda, menambah, mengganti atau menarik balik Aturan ini.

13. Pertikaian

Sebarang pertikaian atau perselisihan pendapat berkaitan Aturan ini, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya untuk diputuskan menurut Seksyen 82 (1) Akta dan Fasal 82 (1) Undang-Undang Kecil.

14. Akta, Peraturan Dan Undang-Undang Kecil

- a. Aturan ini adalah sebagai tambahan kepada Undang-Undang Kecil dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang dibaca bersamanya.
- b. Satu salinan Aturan ini hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari setelah diluluskan oleh Mesyuarat Agung KOSMA.

Diakui Aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung KOSMA kali ke pada, 2015.

tt

(Pengerusi)

tt

(Anggota)
Lembaga

tt

(Anggota)
Lembaga

AGENDA : 11
KERTAS BIL : KMA. 11/2014
PELANTIKAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

A. USUL PELANTIKAN DUA ORANG WAKIL KERAJAAN NEGERI PAHANG DALAM ANGGOTA LEMBAGA YANG DICALONKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG

1.0 TUJUAN

Kertas ini dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan mesyuarat agung terhadap usul memilih dan melantik secara sebulat suara dua orang wakil kerajaan Negeri Pahang sebagai anggota Lembaga KOSMA.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mengikut UUK 35 KOSMA dan Seksyen 42 Akta Koperasi 1993, pengelolaan dan pengurusan KOSMA hendaklah terserah kepada satu Anggota Lembaga yang mengandungi tidak lebih daripada 11 orang yang dipilih dan dilantik.
- 2.2 Seksyen 42 Akta Koperasi 1993 telah diubahsuai oleh YB Menteri yang bertanggungjawab dengan pembangunan Koperasi pada masa itu melalui satu **Perintah Ubahsuaian** mengikut kehendak Seksyen 87 Akta Koperasi 1993 dan telah diwartakan pada 21 Ogos 1997 sebagai **P.U. (A) 137** khusus bagi Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) – **Lampiran A**.
- 2.3 Tatacara pemilihan dan perlantikan dua orang anggota Lembaga mewakili Kerajaan Negeri Pahang dalam Lembaga KOSMA hendaklah mengikut sebagaimana **Perintah Ubahsuaian** yang telah dikeluarkan itu.

3.0 KEPUTUSAN

Bahawa Mesyuarat Agung kali ke 33 Koperasi Serbausaha Makmur Berhad yang bersidang pada hari ini (13 Jun 2015) bersetuju memilih dan melantik (2) dua orang wakil kerajaan yang telahpun menjadi anggota KOSMA iaitu :

- i. YB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
- ii. YH Dato' Haji Mohamad Sahfri bin Ab Aziz

Dengan sebulat suara sebagai anggota Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad untuk tempoh selama 1 tahun mulai tarikh Mesyuarat Agung Tahunan hari ini, mengikut kehendak Perintah (Ubahsuaian) (No 3) yang telah diwartakan pada 21 Ogos 1997 sebagai PU (A) 317.

B. MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA

1.0 TUJUAN

- I.1 Menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 37 (1) satu pertiga daripada anggota Lembaga yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan. Anggota Lembaga yang mengosongkan jawatannya di bawah UUK 37 (1) ini adalah :
 - i. YH Dato' Haji Mohd Suh bin Haji Burok
 - ii. YH Dato' Haji Khadri bin Musa
 - iii. Tuan Haji Md Yunos bin Ahmad

- I.2 Dengan itu, terdapat tiga (3) kekosongan anggota Lembaga yang akan dipertandingkan dalam pemilihan anggota Lembaga dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini.

2.0 ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA

Pemilihan tiga (3) orang anggota Lembaga akan dijalankan secara Undi Sulit menurut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil 36 serta aturan-aturan yang dibuat di bawahnya.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung yang bersidang pada hari ini (13 Jun 2015) adalah dipohon untuk :-

Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2015 - 2018 (3 tahun).

P.L. (A) 317.

AKTA KOPGRASJ 1993

Peruntuk Kontrak (Ubahsumar) (No. 3) 1997

PAWA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 87 Akta Koperasi 1993, Menteri mengeluarkan perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dimaklumkan Perintah Koperasi ~~pasca~~ Uthaikusutan (No. 3) 1997 dan hendaklah terpaktai bagi Koperasi ~~pasca~~ Serbausaha Makmur Berhad.
2. Perenggan 42(a) Akta adalah diubahsuai dengan perenggan yang berikut:

JABAT

(Perenggan 2)

Perantara	Untuk
Perenggan 42(a)	Dengan menggantikan perenggan 42(a) dengan perenggan yang berikut:

"42. Tap-tap koperasi berdasarkan hendaklah mentafsirilah—

- (a) suatu Lembaga, yang hendaklah terdiri daripada sebatas orang anggota yang dipilih dengan sewajarnya renda mesyuarat agung tanaman di mana dua orang daripada anggota tersebut hendaklah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang dan tempoh menegang jawatan kedua-dua orang anggota tersebut adalah hanya untuk satu tahun dan mereka adalah RayaK atau selari semulaz dan".

Dibuat 26 Mei 1997.
IKTPK (S) 07/49/4/1/2 Jd 2; PN, (PLF) 527(V.)

32 ayam Pancajera 1942/1997
21 hari 02 minit 56 saat 00 milid
2.700 meter 13.9.97
2000 kaki

DATTA Cawang Haji SUGIHARNO, M.Pd.
Menteri Tanah dan Perminyakan Koperasi

P.U. (A) 317-218.

16(X)

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT (1993)

Co-operative Societies (Modification) (No. 3) Order 1997

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Co-operative Societies Act 1993, the Minister makes the following order:

- Changes in application**
1. This order may be cited as the Co-operative Societies (Modification) (No. 3) Order 1997 and shall apply to Koperasi Serbausaha Makmur Berhad.
 2. Paragraph 42(a) of the Act is modified in the manner specified in the Schedule.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

<i>Provision</i>	<i>Modification</i>
------------------	---------------------

Paragraph 42(a) By substituting for paragraph 42(a) the following paragraph:

"42. Every registered society shall have—

- (u) a Board, which shall consist of eleven members duly elected at the annual general meeting where two of the members shall be nominated by the State Government of Pahang and the term of holding the posts for these two members are for only one year and they will be eligible for reappointment; and".

Made 26 May 1997.
(KTPK.1S) 07/49/4/1/2 JI6 21 PN. (PUP) 527/DV.]

Dato' Dr. Siti Hajar Sulaiman,
Minister of Legal and Cooperative Development



PENGHARGAAN



Pengerusi dan Anggota Lembaga
KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(KOSMA)
mengucapkan terima kasih dan
setinggi-tinggi penghargaan
kepada semua pihak yang terlibat
sama ada secara langsung atau
tidak langsung bagi menjayakan
Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA
kali ke 33 ini

